

Muktamar Islam di Mekah al-Mukarramah

Membentuk “Lembaga Perikatan Alam Islam”

Muktamar Islam yang bersejarah yang telah berlangsung di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah pada 14 hingga 16

Dhū al-Hijjah 1381 yang lalu, telah membincangkan masalah-masalah besar mengenai agama dan soal-soal hidup,

yang sedang dihadapi oleh umat Islam di seluruh negara-negara Islam.

Menurut siaran rasminya, Muktamar telah memutuskan dua puluh perkara yang besar seperti berikut:

(Oleh: Abdullah Basmeh)

1- Islam Mengatasi *‘Aṣabiyyah*

(Faham Perkauman)

Muktamar Islam menegaskan keyakinannya tentang ikatan persaudaraan umat Islam dan mensifatkannya ikatan yang sebenar-benarnya di antara umat Islam yang berbagai-bagai bangsa. Muktamar mengisytiharkan bahawa persaudaraan itu ialah satu perkara yang telah difardukan Allah *‘Azza wa Jalla* atas tiap-tiap Muslim, yang mengikatnya dengan saudaranya Muslim yang lain walau apa jua bangsanya dan di mana jua negerinya, dan bahawa persaudaraan ini telah berkekalan selama-lamanya menjadi tiang kekuatan dan satu perkara istimewa bagi masyarakat Islam dalam segala zaman keagungan Islam, sepanjang sejarah umat Islam. Dan bahawa segala Jenis *‘aṣabiyyah* (perasaan kebangsaan yang sempit) yang selain Islam itu adalah terletak di bawah sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

((*Laysa minnā man da’ā ilā ‘aṣabiyyah*))

Ertinya: ((Bukanlah daripada golongan kami: orang-orang yang menyeru kepada *‘aṣabiyyah* (faham perkauman).))

Dan bahawa tiap-tiap seruan dengan nama kebangsaan atau lainnya yang menceraikan umat Islam dan

mengambil sahabat-sahabat (rakan-rakan seperjuangan) dari yang bukan Islam adalah ia dari seruan jahiliah yang salah yang telah dibatalkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan yang akan mendapat faedah daripadanya hanyalah seteru-seteru Islam.

Muktamar juga memandang adalah menjadi wajib baginya untuk menarik perhatian umat Arab khususnya supaya mengenang bahawa perpaduan mereka hanyalah berjaya terlaksana dalam pengakuan Islam bagi pertama kali, dan bahawa mereka tidak akan dapat bersatu padu melainkan di bawah naungan hukum Islam dan kekuasaannya, dan bahawa mereka telah menanggung tugas penyiaran Islam kepada penduduk dunia, maka seruan mereka telah disambut baik oleh berbagai-bagai bangsa dalam berbagai-bagai negeri yang telah mengutamakan persaudaraan Islam atas faham-faham kebangsaannya, dan semenjak itu penduduk negara-negara itu memeluk Islam dan telah berkekalan setianya kepada Islam dan umat Islam.

Sudah selayaknya bagi umat Arab, yang menanggung tugas perutusan Islam yang awal pertama dalam sejarah perkembangannya, menjadi contoh utama dalam

memelihara persaudaraan Islam itu dan mensifatkan tiap-tiap perkara yang bertujuan hendak melemahkan persaudaraan itu adalah menjadi satu pencerobohan terhadap sejarah mereka dan memperkecilkan kekuatan mereka serta memesong dari jalan persatuan mereka. Bahawa orang-orang yang tidak setia lagi kepada Islam dan yang menindas penyeru-penyeru Islam dari sebalik tabir faham kebangsaan yang sempit, yang sebenarnya mereka ialah seteru bagi umat Arab yang telah terikat kebesaran dan kemuliannya dengan kebesaran dan kemuliaan Islam.

2 – Keadilan Masyarakat

Muktamar ini mengisytiharkan bahawa keadilan masyarakat hanyalah dapat dilaksanakan oleh umat Islam dengan peraturan-peraturannya yang lengkap sempurna dan hukuman-hukumannya yang adil. Islam juga tidak mengenali peperangan berkelas-kelas. Ia menyeru kepada persaudaraan Islam yang meliputi pada menaruh belas kasihan dan bertolong bantu. Ia juga memelihara hak-hak orang-orang perseorangan yang telah ditetapkan oleh syarak dan melarang akan perbuatan membolot. Dasar Islam adalah mencukupi kehendak-kehendak orang-orang Islam dan tidak payah mengambil dari sebarang faham yang diseludupkan yang bertentangan dengannya seperti faham Komunis, Sosialis dan lain-lainnya.

3 – Dasar Kerjasama Islam

Muktamar ini sedia mengetahui akan hakikat bahaya yang besar yang menimpa umat Islam disebabkan terhebahnya perselisihan di antara setengah ketua-ketua negara-negara Islam. Dan ia menyeru pemimpin-pemimpin yang tersebut supaya bertakwa kepada Allah (menjauhkan diri daripada melanggar perintah-Nya) dan menjaga maslahat (kebajikan) umat Islam dan

masa depannya, dan bersegera menyelesaikan perselisihan-perselisihan yang tersebut dengan berhakim kepada syariat Islam yang suci.

4 – Lembaga Islam

Muktamar ini menetapkan untuk menghadapi bahaya yang sedang mengugut alam Islam supaya mendirikan sebuah lembaga Islam yang mengatur kerjasama di antara negara-negara Islam dalam segala lapangan siasah, iktisad dan kebudayaan, dan memandang mustahaknya mengadakan persidangan ketua-ketua negara-negara Islam untuk melaksanakan tujuan suci ini.

5 – Memperbaiki Masyarakat Islam

1 – Muktamar ini menuntut supaya negara-negara Islam dengan serta-merta memulakan kerja untuk melenyapkan segala kesan syirik dan bid'ah yang menyalahi Islam, dan menghapuskan segala perkara yang bukan Islam dalam negaranya seperti membuat arak, menjualnya, dan meminumnya, dan juga pelacuran dan judi dalam segala bentuknya, dan juga riba serta perkumpulan-perkumpulan yang bertentangan dengan akhlak dan tata tertib Islam, kerana perkara-perkara yang tersebut tidak layak bagi negara-negara Islam membiarkannya berkembang dan merebak, sementelah pula segala maksiat yang tersebut menghalangi segala usaha yang dijalankan untuk mendidik rakyat, terutama tunas-tunas muda, bersesuaian dengan pengajaran-pengajaran Islam.

2 – Hendaklah kerajaan-kerajaan Islam berpegang kepada hukum-hukum syariat Islam dalam menjalankan urusan-urusannya dalam negeri dan dalam mengatur perhubungannya ke luar negeri.

3 – Menyebarkan kebudayaan Islam yang benar dalam

segala peringkat pelajaran dan mendidik anak-anak kita dengan pendidikan Islam, dengan berpandukan pengajaran kitab suci *al-Qur'ān al-Karīm* dan *al-Hadīth al-Sharīf*.

4 – Menjauhkan cara-cara dan faham-faham yang bertentangan dengan roh-roh Islam dalam sekolah-sekolah, universiti-universiti, persuratkhabaran, siaran radio dan segala alat-alat penyiaran. Dan menempatkan dasar-dasar Islam yang benar dalam segala lapangan yang tersebut.

6 – Soal Palestin

1 – Muktamar Islam ini menetapkan supaya meletakkan soal Palestin dalam kedudukan yang pertama dan utama dari segala soal-soal Islam yang lain.

2 – Muktamar ini mengisytiharkan batalnya segala apa jua yang telah dibuat oleh penjajah dan Yahudi Zionis di Palestin tentang menduduki dan membelah bagi negara Palestin, dan menolak segala rancangan yang bertujuan mengakui apa yang telah terjadi, sebagaimana ia (Muktamar Islam) memberi ingat tentang tiap-tiap percubaan yang bertujuan hendak menyelesaikan soal Palestin melalui lujnah penyelesaian atau lainnya, atau dengan nama melaksanakan keputusan-keputusan Bangsa-bangsa Bersatu.

3 – Muktamar Islam ini memandang soal orang-orang pelarian Palestin ialah satu bahagian dari soal siasah Palestin yang tidak terpisah daripadanya dan bahawa masalah mereka tidak boleh selesai melainkan dengan kembalinya mereka ke negara mereka yang merdeka. Muktamar juga memandang bahawa ganti rugi hanyalah dibuat untuk menggantikan harta benda mereka yang telah punah-ranah dan binasa, dan yang telah dipungut hasilnya, sehingga sempurna ia dikembalikan kepada mereka. Muktamar juga

memberi ingat tentang menyelesaikan masalah mereka dengan rancangan menempatkan atau mengembangkan iktisad bagi daerah Timur Tengah, atau dengan menampung orang-orang pelarian itu dengan sendirinya dan beransur-ansur dengan tujuan hendak mengecohkan dan beralih-dalih pada menyelesaikan masalah mereka. Muktamar juga menyeru kepada negara-negara Arab dan negara-negara Islam yang lain supaya mengubah keadaan orang-orang pelarian Palestin itu kepada tenaga yang mengeluarkan hasil, dan berkesan serta siap sedia untuk menjalankan peranan yang besar bagi memerdekakan tanah air mereka yang telah dirampas itu.

4 – Muktamar Islam ini menyeru negara-negara Islam kepada mengetatkan kepungan ekonomi di sekeliling Israel.

5 – Muktamar memberi ingat tentang kedegilan Yahudi hendak mengalih air Sungai Jordan dan mengalirkannya ke Padang Nakba (yang dikuasai oleh Yahudi). Muktamar menuntut negara-negara Arab supaya melaksanakan keputusan-keputusan mereka dahulu untuk mencegah rancangan Yahudi itu.

6 – Muktamar menugaskan ((Lembaga Perikatan Alam Islam)) (yang telah dibentuk oleh muktamar) supaya berhubung dengan negara-negara Arab dan mendesaknya untuk menghadapi penyeludupan pengaruh Israel dan di Afrika dan meminta negara-negara yang tersebut supaya memberikan bantuan yang berupa kebendaan, teknik dan kebudayaan kepada negara-negara Afrika yang baharu merdeka.

7 – Muktamar menyeru negara-negara Arab kepada membentuk satu jalan yang tertentu meliputi siasah, tentera dan ekonomi yang bersatu untuk menyelamatkan Palestin, dan menuntut negara-negara Islam supaya

menunaikan kewajibannya pada menyokong soal Palestin dalam segala lapangan, terutama dalam perhimpunan antara bangsa, dan menyeru negara-negara Islam yang masih mempunyai perhubungan dengan Yahudi Israel supaya berfikir balik tentang perhubungan yang tersebut bagi menyahut seruan Islam yang mensifatkan Yahudi Israel sebagai musuh ketatnya.

8 – Mukhtar Islam mensifatkan wujudnya tentera Bangsa-bangsa Bersatu di Tanah Arab (di sempadan-sempadan Israel) menjadi sebesar-besar sebab yang membekukan soal Palestin dan menyebabkan ketenteraman di Israel. Mukhtar juga mensifatkan Teluk Aqaba yang terus-menerus terbuka kepada perkapalan Israel menjadi sebesar-besar bahaya terhadap kepungan ekonomi yang mengepung sekelilingnya dan membawa Israel pada menguatkan dirinya. Oleh itu Mukhtar menuntut supaya ditarik balik tentera Bangsa-bangsa Bersatu dan menyeru negara-negara Arab yang bersangkutan paut supaya menutup Teluk Aqaba kepada kapal-kapal Yahudi.

9 – Mukhtar menyeru kepada kerajaan-kerajaan Islam supaya melarang Yahudi yang tinggal di dalam negerinya daripada berpindah ke Israel.

10 – Mukhtar meminta ((Lembaga Perikatan Alam Islam)) menyelidiki cara-cara yang teratur yang mengerahkan tiap-tiap seorang Muslim berkhidmat untuk soal tanah suci Palestin dan menyediakan dengan sebanyak-banyaknya tenaga Islam untuk menyelamatkannya.

7 - Soal Aljazair

Mukhtar Islam mengalu-alukan kerajaan Aljazair dan rakyatnya yang telah berjihad dengan gagah berani dan memberi tahniah atas kejayaan-kejayaan yang cemerlang yang telah

dicapainya. Mukhtar memandang kewajiban bagi negara-negara dan rakyat-rakyat Islam, memberi bantuan dengan mata benda dan siasah masih wujud (dan seyogianya dilanjutkan sebagaimana masa yang sudah-sudah). Mukhtar juga membantah akan pergerakan rahsia bagi tentera Perancis dan segala kekejaman yang telah dilakukannya, dan menuntut supaya pergerakan itu ditindas dengan segera dan bersungguh-sungguh.

8 – Soal Kashmir

Mukhtar menuntut Bangsa-bangsa Bersatu supaya melaksanakan keputusannya yang menghendaki diadakan pemungutan suara yang bebas bagi rakyat Kashmir dan mensifatkan perbuatan berlengah-lengah daripada menjalankannya adalah mencuaikan hak rakyat Kashmir yang benar untuk menentukan nasibnya. Mukhtar juga memandang bahawa perhubungan yang baik di antara alam Islam dan kerajaan India disyaratkan dengan membolehkan rakyat Kashmir menggunakan haknya yang halal.

9 – Lembah Buraimi

Mukhtar Islam menyokong kerajaan Saudi Arabia pada tuntutan terhadap kawasan ((Lembah Buraimi)) dan memandang kawasan itu ialah sebahagian yang tidak boleh dibelah bagi daripada tanah-tanah Saudi Arabia, serta mendesak negara-negara Islam menyokong Saudi Arabia dengan segala cara untuk mengembalikannya semula.

10 – Selatan Yaman dan Wilayah-wilayah Arab

Mukhtar Islam menyokong penuh akan hak Yaman di dalam wilayah-wilayah naungan British di selatan Yaman dan Aden dan menyokong bumiputeranya dalam perjuangan mereka

Sambungan pada muka 37

Muktamar Islam di Makkah al-Mukarramah

Sambungan dari muka 13

terhadap penjajahan. Muktamar juga menyokong perjuangan bumiputera Amman, Muscat dan lain-lain wilayah di Teluk Arab untuk merebut kemerdekaan mereka.

11 – Irian Barat

Muktamar Islam menyokong negara Indonesia dalam tuntutan yang adil akan Irian Barat, dan mensifatkannya sebahagian yang tidak boleh dibelah bagi dari tanah-tanah Indonesia.

12 – Soal Eritrea

Muktamar Islam menyokong hak rakyat Eritrea dalam mencapai kemerdekaan dan kebebasannya, dan menuntut negara-negara Islam membawa soal Eritrea dalam Bangsa-bangsa Bersatu.

13 – Orang-orang Islam Habsyah

Muktamar menuntut kerajaan Habsyah (Ethiopia) supaya mengawal akan hak-hak orang-orang Islam dalam pemerintahannya dan menyamakan mereka dengan rakyat negeri Habsyah di dalam hak dan kewajipan, dan menghapuskan kezaliman dan tindasan yang ditimpakan kepada mereka. Muktamar juga mendesak negara-negara Islam supaya mengambil berat soal orang-orang Islam Habsyah itu menurut yang selayaknya.

14 – Orang-orang Islam India

Muktamar memandang dengan cemasnya terhadap layanan yang jahat dan pertumpahan darah yang buas yang dilakukan oleh orang-orang Hindu terhadap orang-orang

Islam yang tidak berdosa di India. Dan mendesak kerajaan India supaya menjalankan kewajipannya pada memelihara akan hak-hak rakyatnya dari orang-orang Islam dan menyamakan mereka dengan lain-lain rakyatnya, dengan amalan bukan dengan perkataan. Muktamar juga menuntut supaya kerajaan India mengikat diri dengan hak-hak manusia yang halal itu dan jangan memaksakan kebudayaan Hindu kepada anak-anak Islam, dan supaya menjamin hak orang-orang Islam yang halal pada menggunakan kebudayaan Islamnya, dan menjalankan amal ibadatnya dengan sebeb-bebasnya.

15 – Benua Afrika

Muktamar telah mengkaji satu persatu soal-soal Benua Afrika dari beberapa segi, dan dalam masa menimbangkan perkara-perkara yang penting yang berlaku dalam negeri-negeri yang tersebut, dan kesan-kesannya terhadap masa depan negara-negara Islam dengan gambaran yang am, Muktamar memutuskan seperti berikut:

1 – Muktamar memandang supaya dibentuk satu siasah Islam yang bertujuan menguatkan perhubungan dengan rakyat negara-negara Afrika yang merdeka, terutama rakyat-rakyat yang beragama Islam, dan membantunya untuk mencapai kesempurnaan dalam kemerdekaannya, dan menguatkan tenaganya untuk mencapai kemajuan dalam lapangan iktisad dan masyarakat.

2 – Mendesak badan-badan kewangan dan syarikat-syarikat ekonomi dalam negara-negara Islam supaya meluaskan usaha perniagaan di antara Afrika dan negara-negara Islam serta negara-negara Arab untuk menghadapi kecergasan Yahudi Israel yang bertujuan hendak mencengkam

negara-negara Afrika yang tersebut dan menundukkannya untuk dikuasai oleh penjajah.

16 – Ujian Senjata Nuklear

Muktamar Islam ini membantah perbuatan setengah-setengah negara besar terutama perbuatan Perancis yang berkali-kali meletupkan senjata nuklearnya di padang sahara Aljazair. Muktamar memandang perbuatan liar Perancis ini ialah satu pencerobohan terhadap keselamatan umat manusia terutama penduduk Benua Afrika.

17 – Bahaya Komunis

Muktamar Islam menimbang dengan sehalus-halusnya akan bahaya yang sedang dilakukan oleh pergerakan Komunis terhadap iktikad-iktikad Islam dan tanah air umat Islam dengan bertopengkan cogan-cogan yang gemerlapan dari akuan-akuan persahabatan dan keadilan palsu. Pergerakan-pergerakan Komunis itu menyeludup dalam masyarakat Islam dan menguasai kekayaannya serta menundukkannya kepada kuasa asing. Muktamar menyeru kepada kerajaan-kerajaan dan rakyat-rakyat Islam supaya menyedari bahaya yang memunah-ranahkan ini dan bertindak menggagalkan tujuan-tujuannya.

18- Umat Islam dalam Negara-negara

Komunis

Muktamar Islam membantah dengan sekeras-kerasnya akan layanan kejam yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah Komunis terhadap golongan-golongan kecil dari rakyat Islam di negerinya, yang ditindas dan dilarang dari menjalankan amal ibadah mereka yang diperintahkan oleh Islam. Muktamar menyeru kepada kerajaan-kerajaan Islam supaya mencurahkan segala bantuan yang dapat diberikan untuk membela orang-orang

Islam yang tertindas ini, dan Muktamar juga menuntut kerajaan-kerajaan Komunis yang menguasai negara-negara yang tersebut, dengan nama kemanusiaan, supaya membetulkan siasahnya terhadap golongan-golongan kecil Islam dan menjamin akan hak-hak mereka sama seperti hak-hak seluruh rakyatnya yang lain.

19 – Golongan-golongan Kecil Islam

Muktamar telah mengkaji akan hal ehwal golongan-golongan kecil Islam di dalam berbagai negeri, dan memandang hendaklah ((Lembaga Perikatan Alam Islam)) berhubung dengan mereka, mengetahui hal ehwal mereka, memberikan bantuan untuk menyebarkan kebudayaan Islam di antara mereka, dan untuk memelihara agama mereka dengan sebaik-baiknya.

20 – Perikatan Alam Islam

Muktamar Islam yang bersidang di Makkah al-Mukarramah pada 14 Dhū al-Hijjah 1381 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah badan Islam yang berpusat di Makkah al-Mukarramah, bernama ((Lembaga Perikatan Alam Islam)).

Tujuan “Lembaga Perikatan Alam Islam”

Menunaikan kewajipan telah difardukan Allah *‘Azza wa Jalla* atas kita pada menjalankan tabligh seruan Islam. Menghuraikan dasar-dasar Islam dan pengajaran-pengajarannya. Menghapuskan syubhah-syubhah (perkara-perkara yang menimbulkan keraguan) daripada Islam. Memerangi pakatan-pakatan jahat yang berbahaya yang ditujukan oleh seteru-seteru Islam untuk merasuk dan memalingkan orang-orang Islam daripada agama mereka dan memecahbelahkan perpaduan dan persaudaraan

mereka. Dan menjalankan usaha untuk memecahkan soal-soal yang dihadapi oleh umat Islam sehingga berjaya.

Cara-caranya

1 – Mengundang sebilangan alim ulama yang mahsyur dalam alam Islam yang menjadi ahli tabligh dan seruan Islam, untuk bertukar-tukar fikiran dan mengatur tenaga serta mengubah dan memajukan cara-cara seruan dan tabligh Islam berasaskan pengalaman mereka dalam medan ini.

2 – Menggunakan sejauh-jauh yang dapat dicapai dari perkara-perkara yang berfaedah yang terkandung di dalam amalan haji pada tiap-tiap tahun. Yang demikian itu diperoleh dari jalan:

a – Memilih beberapa orang alim ulama dari penyeru-penyeru Islam yang handal sekali dalam berbagai-bagai bahasa supaya mereka menjalankan tabligh (seruan Islam) kepada orang-orang haji yang berhimpun di Tanah Suci pada musim Haji, dan menghidupkan semangat orang-orang haji serta memperingatkan mereka akan amanah yang ditanggung oleh mereka setelah kembali ke tanah air.

b – Mengadakan satu persidangan besar yang mengandungi penganjur-penganjur dan pemimpin-pemimpin dalam lapangan Islam, yang akan mengadakan persidangan-persidangan tetap selepas itu dan mengeluarkan ketetapan-ketetapan serta mencurahkan tenaga supaya dapat menarik perhatian umat Islam di seluruh alam Islam terhadap usaha-usahanya dan supaya mengambil berat kepada ketetapan-ketetapan yang dikeluarkan olehnya, mengenai Islam dan masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam.

t – Mengatur tempat-tempat berkenalan di antara rombongan-rombongan

haji dengan berbagai jalan dan cara yang dapat dilakukan dan menentukan sebilangan daripada orang-orang yang bekerja tetap untuk berkenalan dengan golongan-golongan Mukmin yang sedar, di masjid-masjid, di rumah-rumah syeikh-syeikh haji, di hotel-hotel, dan lain-lainnya.

3 – Menguatkan alat-alat siaran radio dengan orang-orang dan rancangan-rancangan, dan dengan beberapa bahasa, sehingga suara seruan Islam itu sampai kepada pendengaran sebesar-besarnya bilangan yang dapat disampaikan dari umat Islam, dan supaya kekuatannya dan cara-caranya serta penyiarannya yang terus-menerus itu menjadi galakan kepada mereka untuk menyahut seruannya, berikat dengannya dan berkumpul di kelilingnya.

4 – Meninggikan mutu siaran dengan jalan surat khabar-surat khabar, buku-buku dan risalah-risalah yang dapat dilakukan, dan dengan berbagai-bagai bahasa. Bagi melaksanakannya ialah dengan:

a – Memilih sebilangan surat khabar dan menguatkannya dengan mata benda dan semangat supaya luas siarannya dan menjadi mampu untuk memperlihatkan dengan nyata rupa dan bentuk tugas yang dijalankan itu dan menyediakan pandangan umum yang beriman dengannya.

b – Berusaha untuk mendirikan jabatan penyiaran Islam di Makkah al-Mukarramah ibu negeri Islam. Tujuannya mengeluarkan penerbitan-penerbitan yang bermutu dan berdasarkan ilmiah, yang membentangkan hasil penyelidikan perbandingan yang menghuraikan masalah-masalah faham Komunis, faham Sosialis, faham kebangsaan, dan keadilan masyarakat, dengan cara mengkritik dan mengupasnya.

t – Mendirikan jabatan-jabatan yang akan ditadbirkan oleh orang-orang yang taat mengerjakan perintah-perintah agama

yang berkeelayakan serta berakhlak mulia. Jabatan-jabatan yang tersebut menjadi pusat-pusat yang sentiasa cergas menyiarkan seruan Islam, dan terletak di bawah kuasa sebuah jabatan pusat di bawah tadbir Setiausaha Agung. Benua Afrika hendaklah diutamakan dalam usaha mendirikan jabatan-jabatan seruan Islam yang tersebut.

5 – Berusaha supaya hukum Islam dijalankan dengan sepenuhnya dalam negara-negara Islam.

6 – Mendirikan sebuah badan dari alim ulama yang layak mengeluarkan fatwa yang mewakili seluruh atau kebanyakan negara-negara Islam, yang bertugas menerangkan hukum Islam tentang perkara-perkara yang hendak ditempelkan orang kepada Islam padahal ia bukan daripada Islam, dan tentang perkara-perkara yang hendak dikeluarkan daripada Islam padahal ia isi Islam yang sebenar-benarnya.

7 – Berusaha untuk menyiarkan bahasa Arab di antara umat Islam dari berbagai-bagai bangsa sehingga ia menjadi bahasa perantaraan bagi umat Islam.

8 – Mengatur perjalanan yang akan dilakukan oleh ahli-ahli tabligh (penyiar-penyiar Islam) yang sanggup melakukannya dari berbagai-bagai negeri, dan mengatur perjalanan-perjalanan ini sehingga alam Islam mendapat faedah-faedahnya, dan menjadilah ia jalan untuk menguatkan tujuan-tujuan Islam dan penyatuannya.

Belanjawannya

Satu lujnah kewangan hendaklah dibentuk untuk ((Lembaga Perikatan Alam Islam)) yang akan mengkaji segala yang diperlukannya, dan untuk membuat rancangan belanjawannya supaya diluluskan dan menjalankan kerja

menurut dasarnya, untuk membayar belanja-belanja yang dikehendaki oleh lembaga dari yuran-yuran tahunan yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan Islam dan badan-badan orang ramai, serta orang perseorangan.

Majlis Pengasasnya

Muktamar telah memilih dengan sebulat suara akan *Ma'ālī al-Shaykh* Mohammed Suroor Sabban menjadi Setiausaha Agung ((Lembaga Perikatan Alam Islam)) yang beribu pejabat di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah.

Manakala Majlis Pengasas Lembaga terdiri daripada 21 orang dari berbagai negara Islam yang boleh ditambah bilangannya jika dikehendaki. Mereka itu ialah:

1. *Al-Shaykh* Muhammad bin Ibrahim, Mufti negara Saudi Arabia.

2. *Al-Hāj* Ahmadu Bello, Ketua Nigeria Utara.

3. *Al-Shaykh* Ibrahim Niass¹, *Shaykh al-Islām* Senegal (Afrika Barat).

4. *Al-Ustādh* Abul A'la al-Maududi, dari alim ulama besar Pakistan.

5. *Al-Ustādh al-Sayyid* Abul Hasan al-Nadwi – Yang di-Pertua Nadwatul Ulama – India.

6. *Al-Hāj al-Sayyid* Amin al-Husseini, Yang di-Pertua Lembaga Arab tertinggi bagi Palestin.

7. *Al-Shaykh* Husnain Makhluḥ – bekas Mufti Mesir.

8. *Al-Shaykh* Abdul Rahman al-Iryani, Naib Yang di-Pertua Lembaga Syarak Yaman.

¹ Ejaan di dalam teks Jawi salah.

9. *Al-Shaykh* Muhammad Makki al-Kattani, Yang Di-Pertua

((Perikatan Ulama Syiria))

10. *Al-Shaykh* Muhammad al-Bashir al-Ibrahimi, Yang

di-Pertua ((Jam'iyah al-'Ulamā')) di Aljazair.

11. *Al-Shaykh* Muhammad Sadiq al-Mujaddidi – bekas

Duta Afghanistan (dari ulama besar Afghanistan).

12. *Al-Ustādh* Allal al-Fassi, Menteri Hal Ehwal

Islam di Maghribi.

13. *Al-Ustādh* Muḥammad Fāl bin al-Banānī – dari

ulama Mauritania (Afrika Barat).

14. Dr. Said Ramadan – Setiausaha

Agung Muktamar Islam di Bayt al-Maqdis.

15. Dato' Syed Ibrahim bin Umar Alsagoff –

Yang di-Pertua Majlis Islam Penasihat Kerajaan –

Singapura.

16. *Al-Shaykh* Muhammad Mahmud al-Sawaf, bekas Yang

Di-Pertua ((Jamā'ah al-Ikhwah al-Islāmiyyah)) – Iraq.

17. *Al-Hāj* Ahmad Alonto, Yang di-Pertua Persatuan

Islam – Filipina.

18. *Al-Hāj* Muḥammad Ḥanīfah Muḥammad, Datuk Bandar

Colombo, Ceylon.

19. *Al-Ustādh* 'Abd Allāh al-Qalīlī, Mufti negara

Hashimiyyah Jordan.

20. *Al-Ustādh* Kāmil al-'Arīf, Duta Jordan

di Nigeria.

21. *Al-Shaykh* Aḥmad al-Bashīr al-Ṭayyib, dari ulama

Sudan.

Menghargai Jasa *al-Malik* Saud

Muktamar Islam mengambil keputusan mempersembahkan

kesyukuran kepada *al-Malik* Saud bin

Abdulazīz *al-Mu'azzam*, Raja negara Arab Saudi

atas usaha baginda yang bersungguh-sungguh yang telah dicurahkan

untuk berkhidmat kepada Islam dan umat Islam dan

kerana sokongannya terhadap masalah-masalah yang sedang dihadapi

oleh umat Islam. Muktamar juga mempersembahkan

rasa syukurnya kepada baginda kerana mendirikan

Universiti Islam di Madīnah al-Munawwarah dan menghargai

segala usaha baginda untuk meninggikan taraf

universiti yang tersebut sehingga dapat menunaikan

tugasnya yang besar dalam medan ilmu pengetahuan untuk

alam Islam. Muktamar juga menghargai dengan rasa

bangga akan sikap baginda yang mengurniakan segala

kemudahan yang telah membolehkan muktamar Islam ini

bersidang di Makkah al-Mukarramah untuk memikirkan hal ehwal

umat Islam dan melaksanakan kerjasama di antara mereka,

serta membentuk ((Lembaga Perikatan Alam Islam))

untuk menjadi alat yang berkesan – *in shā'a Allāh* – pada

menjaga kebajikan umat Islam umumnya dan

menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi menurut panduan

Islam.

(Menurut berita akhir, *al-Malik* Saud telah

mengurniakan satu juta riyal (\$700,000 wang

Tanah Melayu) kepada ((Lembaga Perikatan Alam Islam))

yang berpusat di Makkah al-Mukarramah dan sebuah rumah (yang

akan dibina) untuk dijadikan ibu pejabatnya. Sebuah

istana baginda telah dipinjamkan untuk digunakan

sekarang ini oleh ((Lembaga Perikatan Alam Islam)),

sementara menunggu rumah baharu itu siap kelak).